

09/06/2003

Rakyat perlu tentang pihak memburukkan negara

Betty Subaryati

KOTA BHARU: Rakyat Malaysia perlu bangkit menentang mereka yang menyertai

orang asing memburuk-burukkan negara ini, kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, tindakan dan perbuatan mereka boleh menyebabkan kesetiaan mereka terhadap negara dipertikaikan.

"Kita perlu menentang mereka dengan memberi penjelasan mengenai betapa bertuahnya kita menjadi rakyat Malaysia.

"Mereka ini hanya satu kumpulan kecil yang sentiasa tidak berpuas hati dengan tindakan kerajaan dan kalau di dalam negeri mungkin ada kaitan dengan agenda peribadi dan pilihan raya umum akan datang.

"Dan kalau dari luar negara pula mereka ini memusuhi negara kerana kejayaan dan pendirian kita teguh untuk memperjuangkan prinsip.

"Jadi kita fikir itulah antara punca mengapa ada segelintir orang yang sentiasa mencemuh kejayaan cemerlang yang kita sudah laksanakan," katanya

selepas majlis penyampaian biasiswa/bantuan kewangan kepada pelajar cemerlang dan miskin oleh Persatuan Alumni Maktab Sultan Ismail (SIC) di sini, semalam.

Mustapa berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, yang kesal terhadap segelintir rakyat mempersoalkan kejayaan kerajaan dalam menangani pelbagai tekanan yang dihadapi negara berjaya menyelamatkan rakyat daripada pelbagai bencana yang tidak diingini.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, rakyat perlu yakin terhadap kebolehan negara menghadapi krisis.

"Namun ada segelintir daripada rakyat yang kurang percaya akan kebolehan

kita dan menyertai orang asing memburuk-burukkan negara," katanya.

Mustapa berkata, tindakan pihak tertentu itu tidak berasas kerana negara

ini sentiasa mengamalkan sikap terbuka dan bersedia menerima pelbagai kritikan membina.

"Kita membenarkan mereka mengkritik yang membina, tetapi yang mendukacitakan ialah ada pihak menghentam tanpa asas dan peranan kita sebagai rakyat Malaysia harus bangkit menentang mereka.

"Kita juga harus memberi penerangan dan penjelasan kepada pihak berkenaan dengan lebih gigih, mengapa kita bertuah menjadi rakyat negara ini," katanya.

Ditanya sama ada kumpulan itu didalangi anasir asing, Mustapa berkata: "Kita kurang pasti."